

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian dalam memastikan kawasan-kawasan pedalaman khususnya di Sabah dilengkapi dengan liputan talian internet yang lebih baik, apakah status terkini 50 kawasan fasa pertama yang dikenal pasti di negeri Sabah dalam program *National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP)* yang telah dirancang oleh Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan merupakan satu usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Pemberi Perkhidmatan untuk membolehkan rakyat terutama di Sabah menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Inisiatif penyediaan perkhidmatan liputan jalur lebar mudah alih yang telah dirancang sebelum ini di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) telah pun bermula sejak 15 Februari 2020, yang melibatkan sebanyak 50 tapak di negeri Sabah. Edotco Malaysia Sdn Bhd telah dianugerahkan untuk membina sebanyak 24 tapak struktur menara komunikasi manakala FGV Prodata Systems Sdn Bhd sebanyak 26 tapak.
3. Setelah menara-menara tersebut siap dibina, U Mobile Sdn Bhd pula akan bertanggungjawab untuk pemasangan alat pemancar komunikasi dan pemberian perkhidmatan mudah alih di kesemua 50 tapak tersebut. Di bawah inisiatif ini, para pengguna akan menikmati perkhidmatan 3G dan 4G. Kesemua menara komunikasi baharu ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021.
4. Pada masa yang sama, SKMM juga membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi